Pengenalan Tafsir Al-Bayan

Khairul Anuar Bin Mohamad
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 0199572383 E-Mail: khairul@usim.edu.my

Prof Dr Adnan Mohamad Yusuf
Dr Muhammad Arif Musa
Profesor Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi
Profesor Madya Dr. Mahyuddin Hashim
Dr. Zulhilmi Mohamed Nor

Abstrak

Hubungan al-Quran dalam kehidupan muslim adalah hubungan yang amat kuat. Bahkan al-Quran adalah manhaj kehidupan yang lengkap membawa manuia ke arah kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Justeru satu tafsir al-Quran telah diusahakan untuk diterbitkan dengan namanya Tafsir al-Bayan. Objektif penerbitan tafsir ini adalah untuk menghasilkan satu terjemahan al-Quran dengan mengguna gaya bahasa terkini yang sesuai dan mudah difahami masyarakat pasca abad 20. Membumikan al-Quran dengan pilihan huraian ayat yang terbaik dengan mengambil kira isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dan solusinya melalui al-Quran. Selain itu ia juga bertujuan menghurai tafsir yang menepati kaedah Ulum al-Quran dengan mengambil kira ketepatan maklumat bersandarkan kepada pandangan jumhur al-Mufassirin. Menghuraikan pengajaran ayat dan memberi ruang kepada pembaca untuk tadabbur ayat al-Quran dengan cara yang mudah difahami. Seterusnya ia juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada masyarakat awam dalam ilmu Tafsir dan menjadi pilihan guru agama dalam pengajaran mereka serta memperkaya khazanah ilmu di alam melayu. Masyarakat amat memerlu kepada kupasan ilmu tafsir yang jitu dan mantap. Pada masa ini rujukan yang ada dalam maktabah dan huraian tafsir yang ada dalam pasaran kebanyakanya adalah berulang perkara yang sama. Justeru Tafsir al-Bayan ini memberi manfaat yang besar kepada umat Islam. Ia diharapkan ada menjadi modul pengajaran ilmu Tafsir di seluruh Malaysia dan akan menjadi rujukan kepada pengkaji Ilmu Tafsir dari sudut metodologi dan tafsiran.

Pendahuluan

Umat Islam amat memberi perhatian dalam memahami kandungan al-Quran. Sejak permulaan Islam lagi di setiap generasi muncul ulamak menafsirkan al-Quran mengikut kepakaran bidang. Mereka dengan bertanggungjawab telah memberi kefahaman kepada masyarakat berkaitan makna al-Quran dengan laras bahasa semasa yang bersesuaian dengan perkembangan bahasa dan isu yang berlaku.

Di negara kita, kitab tafsir yang masih menjadi rujukan dalam masyarakat, antaranya ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Ia mula diterbitkan pada tahun 1980. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjadi bahan pengajaran dalam pengajian tafsir di masjid, surau dan rujukan dalam

penulisan akademik. Metode tafsirnya yang ringkas dan padat amat sesuai untuk menjadi rujukan kepada masyarakat.

Perbahasan dalam ilmu tafsir amat luas dengan pandangan ulamak yang berbebza dalam sesuatu ayat. Huraian dari sudut bahasa perlu di sesuaikan dengan perkembangan semasa maka amat wajarlah khazanah ilmu tafsir ini diperbanyakkan untuk menambah maklumat masyarakat berkaitan tafsir al-Quran dan kefahaman terhadap Quran. Konsep Tafsir al-Bayan adalah tafsiran al-Quran menyeluruh tapi ringkas, bercirikan ma'thur dan ma'qul secara padat dan tepat.

Justeru cetusan idea mantan YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri untuk menerbitkan Tafsir al-Bayan ini diharap dapat membantu masyarakat dalam menambah ilmu berkaitan tafsir al-Quran. Selain itu ia juga mendekatkan lagi maysarakat kepada Quran.

Bagi menjayakan penerbitan Tafsir al-Bayan ini satu kumpulan tenaga akademik dalam bidang Tafsir, Ulum al-Quran, Hadith, Aqidah, Feqah dan Qiraat telah dilantik. Bilangan tenaga akademik yang telah menjayakan penulisan Tafsir al-Bayan ini hampir 40 pensyarah. Bermula dengan tim pemikir seramai 6 orang diikuti dengan penulis seramai 14 orang. Semua penulis Tafsir al-Bayan adalah mewakili institusi pengajian tinggi iaitu daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Gabungan tenaga kerja ini telah dapat menghasilkan satu natijah yang baik dalam memertabatkan ilmu tafsir.

Pengenalan Tafsir Al-Bayan

Projek Tafsir al-Bayan adalah cetusan idea semasa Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, menjawat jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama. Beliau berazam menerbitkan satu tafsir al-Quran yang lengkap bagi menjadi rujukan masyarakat nusantara. Tanggungjawab yang amat berat ini telah diamanahkan kepada Tim Pemikir dan Pengurusan Tafsir al-Bayan. Tim Pemikir ini dianggotai oleh pakar pelbagai bidang yang diperlukan dalam pentafsiran al-Quran. Kumpulan ini bertindak membangunkan konsep, kerangka dan metodologi disamping mengawal selia gerak kerja penulisan, penyemakan dan pentashihan Tafsir al-Bayan.

Bagi memenuhi keperluan dan hasrat yang disampaikan oleh YB Menteri, agar tafsir yang dihasilkan memenuhi keperluan semasa dan kehendak umat Islam dalam memahami ayat-ayat al-Quran tim pemikir projek ini telah memilih konsep tafsir mawdu'i yang digabungjalinkan dengan pendekatan kontemporari atau semasa. Metode tafsir mawdu'i seperti yang disifatkan oleh para mufasir kontemporari sebagai metode semasa pengajian tafsir dilihat sesuai kerana ia memberikan tumpuan kepada topik dan objektif yang dibawa oleh sesuatu surah. Pendekatan ini tidak lagi mengumpulkan perbahasan yang dibawa oleh para mufasir klasik dengan perbahasan mendalam mengenai struktur bahasa Arab, perbezaan Qiraat, hukum hakam, ilmu kalam dan lain-lain yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan pemahaman ayat berkenaan. Walau bagaimanapun perbahasan penting yang perlu dalam membantu pemahaman pembaca terhadap sesuatu ayat akan dibincangkan di bawah tajuk Bayan Isu. Manakala pendekatan kontemporari yang dimaksudkan adalah merujuk kepada laras bahasa yang sesuai

dengan masyarakat pembaca, contoh perbandingan serta olahan isu yang menyentuh kehidupan masyarakat kontemporari. Elemen kontemporari ini juga dapat dilihat oleh pembaca menerusi rujukan yang dibuat oleh para penulis kepada rujukan semasa tafsir sama ada berbahasa Arab, Melayu, Inggeris atau lainnya.

Tafsir al-Bayan menjadikan karya para ulama terdahulu sebagai rujukan dan ia merangkumi kitab Tafsir bi al-Mathur dan juga kitab Tafsir bi al-Ra'y. Antara kitab yang menjadi rujukan adalah Tafsir al-Tabari, Tafsir al-Baghawi, Tafsir al-Fakhr al-Razi, Tafsir al-Alusi. Selaras dengan konsep yang dibawa bercirikan tematik kontemporari, Tafsir al-Bayan juga telah menjadikan kitab-kitab tafsir maudui sebagai sumber utama seperti al-Tafsir al-Maudui karya Prof Dr. Mustafa Muslim, kitab Ahdaf Kullu Surah wa Maqasiduha oleh Dr. Abdullah Mahmud Syahatah, kitab Nahwa Tafsir Maudui li Suwar al-Quran al-Karim oleh Dr. Muhammad al-Ghazali dan yang seumpamanya.

Selain itu, Tafsir al-Bayan juga merujuk kepada kitab-kitab hadis seperti kitab Sunan al-Sittah, al-Maajim dan al-Masanid, juga karya-karya kontemporari seperti Tafsir al-Munir karya Dr. Wahbah al-Zuhaili, Safwa al-Tafasir oleh Dr. Ali al-Sabuni dan Tafsir al-Sa'di. Tidak ketinggalan dalam usaha mengukuhkan huraian terhadap ayat dengan pendekatan kontemporari ini, para penulis turut merujuk kepada jurnal ilmiah, laman sesawang rasmi dan sumber maklumat semasa lain.

Pentafsiran ayat al-Quran tidak lari daripada penggunaan hadis Nabi SAW. Penggunaan hadis dalam Tafsir al-Bayan ini merangkumi aspek berkaitan Fadail Surah, Asbab Nuzul Surah, Fadail Ayat, Asbab Nuzul Ayat dan juga di dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Dianggarkan terdapat hampir 600 hadis Nabi SAW direkodkan di dalam Tafsir al-Bayan. Kesemua hadis dinyatakan sumber rujukannya berdasarkan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith, Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Hadis-hadis yang dipilih diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami dan dipastikan tidak melibatkan hadis yang terlalu lemah atau palsu.

Kemunculan isu-isu semasa yang jarang dibahaskan oleh sarjana silam turut ditampilkan melalui pena diskusi yang lebih segar. Andai dahulu penerokaan makna terangkum dalam dialog dan kerangka perbahasan klasik, olahan dalam tafsir ini dipersembahkan dengan dimensi baharu yang lebih dinamik. Tafsir al-Bayan menghimpunkan dan menyentuh isu kelahiran idelogi moden seperti liberalisme dan feminisme, isu kesihatan seperti penyebaran wabak covid, isu ekonomi era baharu serta perjuangan hak kemanusiaan. Pengolahan isu sebegini dalam kerangka tafsir barangkali bukanlah topik perbahasan yang biasa dibincangkan oleh penulis tafsir di rantau nusantara ini. Disinilah keunikan yang ada pada Tafsir al-Bayan.

Secara umumnya karya tafsir ulama silam akan menyentuh perbahasan mengenai munasabah (perkaitan) di antara surah atau sesama ayat bagi memberikan penjelasan tentang hubungkait dan kesinambungan maksud setiap ayat. Tafsir al-Bayan menampilkan pendekatan yang berbeza. Penjelasan munasabah disampaikan dalam kerangka perkaitan sesama tema. Setiap surah memiliki tema yang menjelaskan maksud gugusan sesuatu ayat. Pendekatan ini dilihat

dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan terperinci mengenai mesej yang termaktub dalam setiap ayat dan tema. Selain itu, aspek tadabbur turut ditekankan di dalam tafsir ini. Elemen tadabbur disampaikan dalam setiap tema yang berperanan sebagai refleksi diri serta respon terhadap ayat al-Quran yang dibincangkan.

Oleh yang demikian, Tim Pemikir dan Pengurusan Projek Tafsir al-Bayan di bawah pimpinan Profesor Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad berharap agar Tafsir al-Bayan dapat menyumbang kepada penghayatan kefahaman al-Quran di samping mengukuhkan hubungan masyarakat dengan Kalamullah ini. Segala apa yang baik itu dari Allah dan segala apa yang kurang itu berpunca dari kelemahan manusia. Dan kesempurnaan itu hanyalah milik Allah semata.

Kumpulan Pemikir dan Pengurusan Projek
Profesor Madya Dr Khairul Anuar
Profesor Dr. Adnan Mohamed Yusuf
Profesor Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi
Profesor Madya Dr. Mahyuddin Hashim
Dr. Muhammad Arif Musa
Dr. Zulhilmi Mohamed Nor

Metodologi Tafsir al-Bayan

Dalam menghurai makna ayat al-Quran, Tafsir al-bayan mengguna metodologi turathi, maudhui dan kontemporari. Tiga metode ini meliputi perkara berikut:

1. Metode Turathi amat penting dalam memahami ayat al-Quran kerana bersumber daripada kitab tafsir di peringkat awal penulisan.

2. Metode Maudhui ini menjadi pilihan kerana setiap ayat akan dikumpulkan dalam sejumlah ayat serta diberikan tema.

3. Metode Kontemporari diaplikasikan dalam tafsir ini untuk memberi satu nilai tambah dalam tafsir al-Bayan kerana setiap tema ayat diakhiri dengan kupasan isu semasa yang berkaitan dengan tema.

Semua metode Tafsir al-Bayan di atas yang berkaitan dalam tafsir al-Bayan ini akan menggunakan metode kajian deduktif dalam mengumpul pendapat ulamak tafsir dan melakukan kesimpulan. Selain itu metode induktif yang menghurai makna kalimah al-Quran dan ayat diberi penekanan khususnya huraian dalam laras bahasa semasa.

Perincian Metodologi:

Berikut adalah perincian metodologi mengikut jenis ayat al-Quran:

Aspek	Manhaj
Susunan Ayat	Susunan Tafsir al-Bayan adalah berdasarkan kepada susunan di dalam al-Quran.
Riwāyah (Asbab al-Nuzul, Fadhāil Suwar, Hadīth)	Kajian akan dibuat pada kekuatan sanad dan kesesuaian matan sebelum dimuatkan di dalam Tafsir al-Bayan. Hanya riwayat yang menepati manhaj muhaddithin akan dipilih.
Ayat Ahkām	Panel akan membuat penjelasan ringkas kepada hukum-hakam yang terdapat di dalam ayat al-Quran. Setiap hukum akan bertepatan dengan Mazhab al-Syafie.
Ayat Aqīdah	Huraian terhadap ayat Aqidah adalah berdasarkan kepada mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.
Ayat Amthāl	Setiap Ayat Amthāl akan diselaraskan dengan konteks ayat untuk mencapai pemahaman yang cukup.
Ayat Qisas	Para penulis akan memuatkan kisah para anbiya secara ringkas. Kisah-kisah ini juga akan disaring dari segi sanad dan matannya.
Tadabbur	Panel penulis akan memuatkan isu-isu semasa yang berkaitan sesuai dengan konteks ayat. Hal ini merangkumi segala jenis isu termasuk isu sosial, ekonomi, akhlak dan sebagainya.

Kandungan Tafsir al-Bayan

Bagi mencapai objektif dan metodologi yang digariskan oleh kumpulan pemikir, justeru kandungan Tafsir al-Bayan bahagi kepada tujuh perkara berikut:

1. Bayan Identiti Surah

Perkara yang diberi penekanan dalam menjelaskan gambaran awal kandungan surah ialah makkiyah, madaniyyah, bilangan ayat, tertib nuzul, Asbab nuzul dan fadail jika berkaitan dan hanya memilih riwayat atau pendapat ulamak bersandar kepada rujukan terpilih, objektif atau maqasid surah dan tema surah.

2. Bayan Ijmali

Bayan ijmali adalah terjemahan tafsir al-Quran merangkumi seluruh ayat al-Quran. Rujukan utama di dalam penghasilan terjemahan ini ialah tafsir pimpinan al-Rahman, terjemahan al-Quran bahasa indonesia terbitan Mujamma' Malik Fahd dan terjemahan al-Quran di dalam terjemahan Tafsir Fi Zilal al-Quran yang dihasilkan oleh Dato Yusuf Zaki. Rujukan tambahan pula merangkumi kitab Tafsir al-Muyassar, Mukhtasar Fi Tafsir al-Quran, Tafsir al-Sa'di dan kitab tafsir yang lain. Konsep bayan ijmali ini adalah penggunaan bahasa semasa yang mudah difahami oleh masyarakat.

3. Bayan Munasabah dan Bayan Kalimah

Munasabah ayat wujud dalam ilmu tafsir sejak dulu lagi. Ilmu munasabah ini memberi kefahaman terhadap hubungan antara ayat, surah atau juzuk sekaligus memberi satu nilai kepada mukjizat al-Quran. Ramai ulamak tafsir yang mengupas ilmu ini antaranya ialah al-Biqaei, al-Sayut, Fakhruddin al-Razi, Muhammad Abduh dan lain-lain.

4. Bayan Asbab Nuzul dan Fadhail

Hadith menjadi sumber yang kedua dalam perundangan dan juga menafsirkan al-Quran. Terdapat banyak hadith berkaitan asbab nuzul dan juga fahdail. Namun begitu kebanyakanya adalah daif, daif jiddan, munkar dan juga maudhu'. Dalam Tafsir al-Bayan, hadith berkaitan asbab nuzul dan fadhail dilakukan takhrij. Dan hadith yang diterima adalah bersandar kepada kitab hadith dan juga pendapat muhaqqiq.

5. Bayan Tafsili

Huraian ayat dalam Tafsir al-Bayan ini mengambil kira tafsir bil ma'thur dan juga bi ra'y, tidak terlalu ringkas sehingga kefahaman tidak dicapai atau terlalu panjang sehingga menjemukan pembaca. Justeru bayan ayat adalah sederhana dan santai. Perkara yang ditekankan dalam bayan ayat ini ialah terjemahan ayat, bayan mufradat terpilih dan bahasa, huraian ayat dengan mengambil kira isu dalam ayat dan kaitan dengan semasa, sirah dan kisah serta hikmah. Dan jika ada kaitan dengan hukum feqh akan dijelaskan mengikut mazhab syafei dan perkara aqidah mengambil pendapat ahl Sunnah wa al-Jama'ah. Tafsiran secara keseluruhan yang dapat dipetik daripada ayat tersebut akan memberikan satu tasawwur yang jelas tentang pengajaran dan hikmah yang terkandung dalam ajaran Islam yang sepatutnya difahami oleh umat Islam dari sudut pengetahuan, kefahaman, penghayatan, pengamalan untuk melihat keindahan Islam.

6. Bayan Isu Dalam Ayat

Ramai tertanya dengan peristiwa yang berlaku setiap hari adakah ia ada kaitan dengan ayat al-Quran? Dalam hal ini segala isu yang berlaku dikategorikan dengan syariah, aqidah, muamalat, pemikiran dan idealisme. Tafsir al-Bayan mengambil langkah untuk mengaitkan isu dengan ayat al-Quran. Isu yang ditonjolkan dibincang mengikut neraca yang betul dan akhirnya membuat rumusan.

7. Bayan Tadabbur

Perkara terakhir dalam huraian ayat ialah bayan berkaitan hikmah dan tadabbur. Maqasid tadabur ini ialah untuk menghidupkan kefahaman yang betul terhadap Quran, beramal dan faham erti kesyumulan al-Quran dan realitinya. Kesannya ialah dapat membina keperibadian muslim dan seterusnya membangun dari sudut akhlak dan masyarakat. Perkara yang diulas dalam bahgian ini ialah kata-kata hikmah, i'jaz dalam konteks sains, amalan salafu salih dan konteks semasa, pembangunan sahsiah, pendidikan dakwah, pemikiran, ekonomi dan sosial.

8. Bayan Hikmah

Bayan Hikmah adalah huraian sesuatu ayat berdasar kepada pendapat tokoh ulamak tafsir seumpama Syeikh Mutawali Sya'rawi. Huraian dalam bayan hikmah ini melengkapkan lagi tafsiran makna ayat. Bilangan bayan hikmah ini hanya dalam 20 sahaja.

Kelebihan Tafsir al-Bayan

Profesor Dr Adnan B. Mohamed Yusoff menyatakan bahawa, "Atas dasar tanggungjawab terhadap bidang kepakaran serta rasa insaf terhadap ketentuan Ilahi yang tiada jalan keluar daripadanya, seruan ini kami sahut dengan penuh azam, iltizam dan tawakkal kepada Allah SWT. Jarum waktu taqdir terus mendorong kami untuk segera melihat ke hadapan dengan mimikirkan konsep, metodologi serta pendekatan yang akan diperkenalkan dalam penulisan, seterusnya strategi pelaksanakan bagi merealisasikan gagasan besar Projek Tafsir al-Bayan seperti yang dihasratkan oleh YB Menteri (Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri). Sepantas itu, kami terus mengenal pasti pasukan pemikir bagi menggarap serta menjelmakan idea secara berstruktur dan berwujud untuk dibentangkan kepada YB Menteri sebagai langkah awal menggerakkan projek."

Seterusnya beliau bersyukur dengan anugerah ini, "Alhamdulillah dengan rahmat dan barakah daripada Allah SWT, kami dikurniakan sebuah pasukan yang mantap dan komited serta berkongsi inspirasi dan aspirasi untuk sama-sama bergerak menunaikan tanggungjawab serta menyumbang bakti kepada masyarakat terhadap Kalamullah yang menjadi dustur kehidupan. Segala puji bagi Allah SWT kerana mempermudahkan perlepasan bagi projek ini apabila konsep, metodologi, pendekatan serta strategi pelaksanaan yang dibentangkan kepada YB Menteri selang beberapa hari sahaja selepas penurunan hasrat beliau kepada kami selari dengan apa yeng beliau inginkan dan memberi persetujuan untuk kami terus bergerak dengan sedikit pengukuhan dari sudut input pelaksanaan serta komitmen terhadap keperluan-keperluan projek."

Menurut seorang tim pemikir Tafsir al-Bayan, PM Dr Ahmad Sanusi Azmi berkaitan penulisan Tafsir al-Bayan, beliau menyatakan, "Pemahaman al-Quran lewat kurun ini telah mula aktif menyentuh isu-isu moden dan kontemporari. Andai dahulu penerokaan makna terangkum dalam dialog dan metodologi klasik, pendekatan kini telah dipersembahkan dalam dimensi baharu yang lebih dinamik. Disinilah titik kekuatan dan keunikan Tafsir al-Bayan. Kemunculan isu-isu semasa yang jarang dibahaskan oleh sarjana silam telah ditampilkan melalui pena diskusi yang lebih segar. Tafsir al-Bayan turut menyentuh isu kelahiran idelogi moden seperti liberalisme, penyebaran wabak covid, ekonomi era baharu serta perjuangan hak kemanusiaan humanisme dan feminisme yang barangkali bukanlah topik perbahasan yang biasa dibincangkan oleh penulis tafsir di rantau nusantara ini. Inilah kekuatan yang ada pada Tafsir al-Bayan."

Bagi Dr Zulhilmi pula, beliau berpendapat, "Tafsir al-Bayan telah disusun dengan begitu terperinci sesuai dengan keadaan masyarakat Malaysia di zaman ini. Elemen-elemen penting dalam sesebuah tafsir diolah dengan begitu baik dan tersusun. Sudut riwayat hadis juga

dipastikan tidak lari daripada sifat riwayat hadis yang maqbul di sisi jumhur muhaddithin. Setiap hadis dipastikan sumbernya, status serta terjemahan yang baik dan sesuai."

PM Dr Mahyuddin pula menyatakan, "Kelebihan Tafsir al-Bayan ialah penggunaan metod tafsirnya yang berdasarkan tematik (maudhuie) bagi surah al-Quran. Penggunaan metod ini adalah selari dengan peredaran zaman yang digunakan oleh para cendekiawan dalam memahami al-Quran. Di samping itu, Tafsir al-Bayan juga menampilkan aspek kontemporari dalam huraiannya. Ia menyerlahkan sifat mukjizat al-Quran yang menyelesaikan masalah semasa kini walaupun ia diturunkan semenjak 1400 tahun yang lalu. Banyak isu-isu semasa dikemukakan bagi menggambarkan al-Quran yang bersifat hidup, sesuai dengan zaman dan realistik."

Cabaran Dalam Penulisan Tafsir al-Bayan

Tafsir al-Bayan ini ditulis dalam masa pendemik covid 19 melanda Malaysia. Arahan perintah berkurung dikuatkua di mana pergerakan amat terbatas. Namun begitu segala perancangan dalam penulisan Tafsir al-Bayan, perbincangan di kalangan tim pemikir dan penulis tetap dilaksanakan dengan aecara online. Menurut Profesor Dr Adnan B. Mohamed Yusoff, "Dengan iltizam yang tidak berbelah bahagi serta keazaman jitu dari seluruh pasukan yang terlibat dalam projek al-Bayan, perjalanan projek ini sedang menghampiri titik perlabuhan. Walaupun terpaksa menempuh ombak dan badai, mengharungi berbagai cabaran dan dugaan, kekangan dan rintangan, kesulitan dan kepayahan, namun bak kata pepatah Arab (ما لا يدرك كله لا يترك كله), ini berjaya menunaikan amanah yang disandarkan walaupun pastinya berbagai kelemahan dan kekurangan akan ditemui, namun ianya adalah lumrah dalam apapun jua hasil kerja pasukan yang dilakukan oleh sesiapa pun kerana kesempurnaan dan keterbaikan hanyalah milik Allah SWT (الكمال لله). Justeru, ruang penambahbaikan terbuka luas untuk projek ini kerana penerbitannya tidak akan terhenti kepada versi pertama yang terhasil ini, sebaliknya berbagai pemerhatian serta cadangan penambahbaikan sedang dikumpul oleh pasukan pemikir untuk diambil tindakan bagi penerbitan untuk edisi seterusnya.

Banyak cabaran yang di hadapi oleh penulis dalam menyiapkan Tafsir al-Bayan. Bagi PM Dr Sanusi Azmi, beliau menyatakan, "Dalam mencapai sasaran tinggi yang diletakkan oleh Mantan YB Menteri Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, terdapat beberapa cabaran yang diharungi oleh para penulis. Antaranya adalah seperti kesukaran dalam mengolah makna al-Quran melalui persembahan moden tanpa mengulangi metodologi klasik ketika menghuraikan maksud ayat. Penulisan penerangan laras moden pada hakikatnya memerlukan kekuatan penulis untuk menyampaikan diskusi silam dalam bentuk yang lebih kini. Ini adalah kesukaran yang sering dihadapi oleh penulis dalam proses penulisan Tafsir al-Bayan."

Bagi Dr Zulhilmi pula cabaran yang di hadapi ialah tempoh masa yang diberikan adalah begitu singkat. Beliau menyatakan, "Memang menjadi suatu cabaran yang besar, apabila diminta untuk disempurnakan dalam tempoh yang agak pendek. Jumlah ratusan riwayat hadis dipilih berdasarkan pandangan ilmuan hadis ditambah dengan hadis-hadis yang dijadikan sandaran

oleh para panel pakar tafsir yang dilantik. Alhamdulillah, hadis-hadis tersebut telah pun dipersembahkan dengan kemampuan dan tenaga yang ada. Besarlah harapan kami, agar Tafsir al-Bayan ini menjadi rujukan utama masyarakat di Nusantara, dibaca, dikaji serta disampaikan kepada seluruh umat."

Perkara yang sama dinyatakan oleh PM Dr Mahyuddin, "Cabaran utama dalam menghasilkan Tafsir al-Bayan ini ialah keterbatasan masa untuk menghasilkan tafsir yang berkualiti. Tempoh masa singkat yang diberikan untuk menyelesaikan penulisan bagi 30 juzuk al-Quran adalah suatu yang tidak mudah untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, berkat usaha dan tawakal semua penulis, ia dapat dicapai. Saya berharap agar Tafsir al-Bayan ini menjadi rujukan utama kepada semua masyarakat di semua peringkat bukan sekadar di Malaysia bahkan nusantara. Semoga kita semua memperolehi kebaikan daripadanya dan seterusnya mendapat ganjaran yang sebaiknya daripada Allah SWT atas usaha sekelumit cuma ini."

Kesimpulan

Pasukan panel penulis dan semua yang terlibat dalam menjayakan penulisan dan penerbitan Tafsir al-Bayan telah memberi komitmen yang tinggi dan kerjasama yang erat dalam memberi idea dan melaksanakan tugas. Dari sudut pendidikan ada di kalangan mereka yang mendapat pendidikan tinggi di Mesir, Jordan, Moroko, Madinah dan Malaysia. Dari sudut jawatan pula ada yang menjawat jawatan dekan, timbalan dekan, pengarah, timbalan pengarah, ketua program, pensyarah dan juga jawatan-jawatan penting dalam orginasasi masing-masing. Dua sudut ini sudah membuktikan panel penulis mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ulum al-Quran dan sudah tentu berkeahlian serta mampu menghasilkan Tafsir al-Bayan.

Faktor kejayaan Tafsir al-Bayan juga adalah kerana komitmen yang berterusan dalam menulis dan berdisiplin dalam menyerah hasil tulisan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Menjawab kepada segelintir yang menyatakan ketidakyakinan boleh menghasilkan 30 juzuk dalam tempoh yang singkat, suka saya nyatakan bahawa projek ini dilakukan hampir 40 panel dalam semua jawatankuasa dan bekerjasama yang sangat erat. Menjalankan tanggungjawab dengan amanah dan telus. Selain itu metode penulisan yang dibina dengan begitu rapi dalam bentuk maudhui bermula dengan identi surah dan pembinaan tema sangat membantu untuk memudahkan semua penulis.

Dan yang saya amat menghargainya ialah setiap kali tema dibahagikan kepada penulis, mereka menerima tanpa penolokan tetapi berusaha untuk menyiapakan tugasan tersebut. Walaupun ada sedikit kejadian terlambat serah kerana komitmen lain atau hadapi keuzuran kesihatan namun semua itu boleh di atasi dengan baik. Yang lebih penting ialah doa dan permintaan kepada Allah SWT supaya memudahkan segala urusan penulisan dan supaya Allah memberi taufiq dan inayah kepada semua penulis dan yang menjayakan pernerbitan Tafsir al-Bayan.

Penghargaan:

Kajian ini dijalankan di bawah pembiayaan geran industri dengan kod USIM/ALHIJRAH/FPQS/LUAR-S/43523